

# ISTILAH MUNAKAHAT

Oleh:

Meor Shukri

[admin@nikahkahwin.com](mailto:admin@nikahkahwin.com)

**Panduan ini adalah PERCUMA.**

## Istilah Munakahat yang perlu anda ketahui:

**Akad** – Ijab & Kabul

**Fasakh** – Melepaskan ikatan perkahwinan bila dituntut oleh pihak isteri kepada pihak kadhi.

**Iddah** – Tempoh masa menunggu yang tertentu bagi perempuan yang diceraikan oleh suami.

**Ijab & Kabul** – Ijab adalah pernyataan dari salah satu pihak yang mengadakan akad untuk menyatakan keinginan untuk berkahwin, manakala Kabul pula ialah jawapan yang diberikan oleh pihak lain yang menunjukkan kerelaan dan persetujuan atas kehendak pihak pertama.

**I'lak** – Sumpah seorang suami yang ia tidak mahu melakukan persetubuhan dengan isterinya dalam masa lebih dari 4 bulan atau ia bersumpah dengan tidak menyatakan tempoh masa.

**Khuluq** – Melepaskan ikatan perkahwinan dengan suatu pemberian tertentu daripada pihak isteri kepada suami, juga dipanggil sebagai "tebus talak".

**Li'an** – Sumpah seorang suami apabila dia menuduh isterinya melakukan zina tanpa saksi atau menafikan kandungan isterinya bukan daripada benihnya dan isterinya bersumpah menafikan tuduhan suaminya.

**Mahar** – Mas kahwin iaitu pemberian kepada isteri dengan sebab nikah sama ada berupa wang atau barang-barang bermanfaat.

**Nafkah** – Apa yang wajib atas suami menyempurnakannya untuk keperluan isterinya.

**Nikah** – Perjanjian yang menggunakan perkataan nikah atau kahwin bagi menyatukan lelaki dan perempuan bagi mengharuskan pergaulan dan menghalalkan persetubuhan.

**Nikah Mahalil** – Nikah cina buta. Ia diharamkan dalam islam.

**Nusyuz** – Keengganan isteri dari menunaikan kewajibannya terhadap suami.

**Rujuk** – Kembali semula kepada ikatan perkahwinan dengan perempuan yang telah diceraikannya di dalam masa idah.

**Ta'liq** - Lafaz talak ta'liq (talak tergantung) yang dibaca dan dilafazkan oleh suami selepas aqad nikah dijalankan.

**Talak** – Memutuskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan perkataan tertentu seperti talak, cerai dll.

**Talak Raj-i'** – Talak 1 dan 2, iaitu talak yg. dibenarkan kembali semula (rujuk) dengan tidak perlu akaq jika masih dalam iddah.

**Talak Ba'in** – Talak 3 iaitu talak yang tidak boleh rujuk. Suami tidak boleh kembali semula kepada isterinya, kecuali isterinya telah berkahwin dengan orang lain, bersetubuh dan bercerai dan setelah habis iddah.

**Wali** – Orang yang bertanggungjawab terhadap perempuan yang hendak dikahwinkan.

**Wali Mujbir** – Wali yang terdiri dari bapa atau datok sebelah bapa kepada perempuan yang hendak berkahwin.

**Wali Bukan Mujbir** – Wali-wali selain dari bapa dan datok sebelah bapa perempuan yang hendak berkahwin seperti abang, wali hakim.


**Walimatul urus** – keramaian atau kenduri kahwin

**Zihar** – Suami menyerupakan isterinya dengan ibunya atau pun dengan seseorang yang haram berkahwin dengannya.

Disemak oleh:

Ustazah Noor Haida Bt. Shohaili  
Ijazah Sarjana Muda Usuluddin & Falsafah

PRODUK HANGAT: Ebook Pendedahan Akad Nikah Sebenar!!



Ebook "Rahsia Mudah Akad Nikah" ini mendedahkan RAHSIA mengapa pengantin lelaki gemuruh dalam majlis akad nikah. Ia turut mendedahkan:

- 10 jenis kesilapan yang selalu dilakukan oleh pengantin lelaki semasa akad nikah.
- 7 sebab mengapa pengantin lelaki melakukan kesilapan semasa akad.
- Mengetahui apa itu Ta'liq dan contoh lafaz ta'liq bagi beberapa negeri kerana lafaz ini sedikit berbeza bagi setiap negeri.
- Mengetahui bagaimana lafaz akad dengan betul.
- 6 tip penting sebelum majlis akad nikah dijalankan.
- 11 tip bajet perbelanjaan perkahwinan.

dan banyak lagi...Untuk maklumat lanjut layari <http://www.nikahkahwin.com>

Terima kasih.